

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

## **HBT 308 – Sosiolinguistik dan Penterjemahan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Ada di kalangan ahli sosiolinguistik Barat terutamanya yang mengkaji tentang bahasa Inggeris, seperti Deborah Tannen (1984) dan Jennifer Coates (1986), yang mengatakan bahawa wanita lebih mementingkan status jika dibandingkan dengan lelaki.

- [a] Bincangkan pernyataan di atas dengan contoh-contoh yang sesuai.
- [b] Adakah pendapat di atas benar di kalangan penutur-penutur di Malaysia? Beri contoh-contoh yang sesuai untuk mengukuhkan pendapat anda.

[25 markah]

2. Teliti teks-teks di bawah.

**Teks A:**

*'Maaflah saya tuan,...ahmm ... saya amat, amat kesal perkara ini, ahmm berlaku. Saya ... la tidak berlaku lagi tuan. Saya ahmm... ada ahmm ... sedikit masalah peribadi pada masa itu ... tuan ... jadi ... saya ... Saya akan ahmm... ambil tindakan sewajarnya tuan. Saya ahmm... akan ambil tanggungjawab ... ahmm... sepenuhnya tuan.'*

**Teks B:**

*'Maaf saya tuan. Saya amat kesal perkara ini berlaku. Saya akan pastikan ia tidak berlaku lagi. Saya ada sedikit masalah peribadi pada masa itu. Saya akan ambil tindakan yang sewajarnya. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya tuan.'*

- [a] Dengan merujuk kepada pendapat yang diutarakan oleh Fishman (1972), bandingkan ciri-ciri penutur **Teks A** dan **Teks B**.
- [b] Apakah maklumat bukan linguistik yang disampaikan oleh ujaran-ujaran di atas? Nyatakan bila dan di mana ujaran-ujaran tersebut, **Teks A** dan **Teks B**, sesuai dan berkesan.
- [25 markah]
3. Pertuturan yang berbeza timbul kerana penutur ada kebebasan dalam memilih aspek-aspek fonologi, tatabahasa dan leksikon. Kebebasan memilih yang ada pada penutur adalah sama dengan kebebasan memilih yang ada pada pembeli seperti dalam memilih pakaian ataupun barang elektrik yang hendak dibeli. Beri pendapat anda tentang kebebasan memilih ini dengan contoh-contoh yang sesuai.
- [25 markah]
4. Teliti **Teks C** di bawah.

**Teks C:**

*Mr Richardson: By the way, I'm Andrew Richardson. My friends call me Andy. This is my business card.*

*Mr Chu: I'm David Chu. Pleased to meet you, Mr Richardson. This is my business card.*

*Mr Richardson: No, no. Call me Andy. I think we'll be doing a lot of business together.*

*Mr Chu: Yes, I hope so.*

*Mr Richardson  
(reading Mr Chu's business card):*

*"Chu, Hon-fai." Hon-fai, I'll give you a call tomorrow as soon as I get settled at my hotel.*

*Mr Chu (smiling): Yes, I'll expect your call.*

Sumber: Scollon, R. dan Scollon, S. W., 1995. **Intercultural Communication**. Oxford UK/Cambridge USA: Blackwell, halaman 122.

- [a] Terjemahkan teks di atas ke dalam bahasa Melayu dengan mengambil kira sistem panggilan yang sesuai dengan budaya Mr Chu.
- [b] Sejauhmanakah aspek sosiolinguistik mempengaruhi terjemahan dalam bahasa sasaran?

[25 markah]

5. Teliti **Teks D**:

**Teks D:**

*"Hello," said the little girl to the old man sitting next to her on the bus.  
"Are you going shopping too?", she added before the old gentleman could reply.  
"No, not so lucky, young lady", he smiled down at her. "ave to visit me doctor."  
"Oh, just like my Nana!"  
"What 'yer buying then?"  
"A pressie for my daddy".*

- [a] Terjemahkan cabutan teks di atas dengan dua cara yang anda pilih.
- [b] Terangkan sejauhmana faktor sosial menyebabkan perbezaan dalam kedua-dua terjemahan anda.

[25 markah]